

Headline	FAMA sasar RM100 juta eksport Musang King, D24		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Oct 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	58	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	205 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,067
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,200



## FAMA sasar RM100 juta eksport Musang King, D24

**Kuala Lumpur:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menasaskan nilai eksport RM100 juta tahun ini bagi durian sejuk beku Musang King dan D24.

Negara sasaran ialah Singapura, Hong Kong, China, Indonesia dan Australia berikutan permintaan tinggi di sana.

Bagi eksport ke China, nilai durian sejuk beku tahun ini dijangka meningkat kepada RM23.4 juta berbanding RM18.2 juta pada tahun lalu.

Pengerusi FAMA, Tan Sri Badruddin Amirudin, berkata keseluruhannya nilai eksport durian ialah RM74.4 juta pada 2016 berbanding RM65 juta pada tahun sebelumnya.

"FAMA menjangkakan eksport durian terutama Musang King ke China bertambah berikutan kejayaan membawakan durian sejuk beku, ulas dan produk berasaskan durian ke tujuh wilayah China.

"Produk durian dieksport ke Beijing, Shenzhen, Shanghai, Chengdu, Nanning, Chongqing dan Guangzhou dan dipasarkan di lebih 60 pasar raya, sembilan kedai durian, tiga kedai buah-buahan serta pemasaran atas talian," katanya.

### Tiga penghantaran

Beliau berkata demikian pada Majlis Pelepasan Penghantaran Durian Sejuk Beku ke Qinzhou dan Guangxi, China sempena Festival 'Durian Nanning 2017 bertemakan, Durian Musang King ke China: Sumber Kekayaan Baru' di Ibu Pejabat FAMA, Bandar Baru Selayang di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Pengarah FAMA, Datuk Ahmad Ishak.

Penghantaran percubaan itu membabitkan kontena seberat lima tan durian sejuk beku ke China melalui kapal.

Badruddin berkata, FAMA dipertanggungjawabkan sebagai Pengerusi Jabatan Logistik di Malaysia bagi menghantar durian sejuk beku ke China sempena Durian Festival Nanning 2017.

"Kita akan membuat tiga penghantaran durian sejuk beku Musang King (D197) ke negara berkenaan menggunakan kapal laut dan kapal terbang.

"Penghantaran bermula pada 11 Oktober ini menggunakan kapal di Pelabuhan Klang ke Pelabuhan Qinzhou, Guanxi sementara penghantaran kedua pada 17 Oktober melalui Lapangan Antarabangsa Kuala Lumpur (KLLA) serta yang ketiga membabitkan nangka dan nanas pada 30 Oktober ke Guilin, Nanning," katanya.



**Badruddin (kanan) melihat durian** pada majlis pelepasan hantaran durian sejuk beku ke Qinzhou, China.